

Mantapkan TH, pulih prestasi kewangan

➔ Langkah struktur semula bantu jana untung, agihan hibah

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur BH 13/12/18

Langkah Lembaga Tabung Haji (TH) memindahkan aset tidak menguntungkan berjumlah RM19.9 bilion kepada syarikat tujuan khas (SPV) yang dimiliki kerajaan, akan membersihkan lembaranimbangan pengurus dana haji itu, sekali gus memantapkan

semula kedudukan kewangannya.

Langkah menstruktur semula lembaranimbangan itu membolehkan TH menjana keuntungan dan mengagihkan hibah kepada pendeposit, sejajar dengan Akta Tabung Haji 1995.

Penganalisis Ekonomi dan Pengarah Projek Khas Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Prof Madya Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata tindakan itu langkah pintar menanganai aset tak menguntungkan memabatkan ekuiti dan hartanah.

Bantu pulih prestasi TH

Beliau berkata, ia membolehkan TH diuruskan dengan lebih cekap bagi memulihkan semula prestasi kewangan, tanpa dibebani oleh aset tidak menguntungkan.

Katanya, dengan keadaan ekonomi global yang mencabar, sudah pasti saham dan hartanah menca-

tatkan prestasi kurang baik dan memerlukan masa untuk pulih.

Jelasnya, sekiranya aset berkenaan tidak berjaya dipulihkan, maka SPV yang memegang aset itu boleh mengambil pelbagai langkah seperti menjual dan sebagainya.

“Sukuk RM10 bilion dan saham keutamaan boleh tukar boleh tebus Islam (RCPS-i) RM9.9 bilion juga dibentuk secara fleksibel, memudahkan pengurusan aset berkenaan pada masa depan.

“Malah, ia juga tidak ada urusan seperti pengaliran wang tunai mahupun pengeluaran jaminan bank oleh kerajaan atau TH.

“Oleh itu, penstrukturkan semula TH sangat bijak dan tanpa mengeluarkan pelaburan yang banyak oleh mana-mana pihak,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai langkah memindahkan aset tidak menguntungkan



Aimi Zulhazmi Abdul Rashid

berjumlah RM19.9 bilion, oleh TH kepada SPV yang dimiliki Kementerian Kewangan.

Sementara itu, Felo Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Zulkipli Omar, berkata langkah yang dilaksanakan TH itu adalah wajar.

Beliau berkata, dengan langkah itu, risiko yang ditanggung oleh aset tidak menguntungkan tidak akan

menjejaskan keseluruhan pengurus dana haji itu.

Pada Selasa, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Zukri Samat mengumumkan pengurus dana haji itu akan memindahkan aset yang tidak menguntungkan bernilai RM19.9 bilion kepada SPV, yang dimiliki Kementerian Kewangan menjelang 31 Disember ini, bagi memantapkan kewangannya.

Beliau berkata, aset tidak menguntungkan akan dikenal pasti menerusi dua kriteria, iaitu bagi hartanah ia memabatkan aset dengan hasil kurang dua peratus, sementara bagi ekuiti pula, nilai rosot nilai melebihi 20 peratus.

Sebagai pertukaran kepada aset, beliau menjelaskan, SPV akan menerbitkan RM10 bilion sukuk tujuh tahun dan RCPS-i berjumlah RM9.90 bilion.